

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 12.06.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah kes rasuah yang di laporkan kepada SPRM dari tahun 2009 hingga 2014 serta jumlah kes yang di siasat dan juga telah diambil tindakan mahkamah, dan jumlah disabit kesalahan atau didapati tidak bersalah.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh 2009 hingga 2013, terdapat peningkatan kadar sabitan terhadap kes-kes yang telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal. Sepanjang tahun 2009, sejumlah 174 kes telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal dimana 94 kes (54%) telah

disabitkan kesalahan. Pada tahun 2010, 435 kes telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal dan sebanyak 309 kes **(71%)** telah disabitkan kesalahan.

Manakala pada tahun 2011, sejumlah 520 kes telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal dimana 388 kes **(75%)** telah disabitkan kesalahan. Tahun 2012, sebanyak 401 kes telah diselesaikan dan dari jumlah tersebut, 339 kes **(85%)** telah disabitkan kesalahan. Manakala bagi tahun 2013 sejumlah 315 kes telah selesai di peringkat perbicaraan awal dimana 265 kes **(84%)** telah disabitkan kesalahan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak semua Kertas Siasatan yang dibuka akan disabitkan pada tahun yang sama. Malahan ada siasatan yang memakan masa beberapa tahun sebelum dikemukakan untuk pertuduhan.

Sekian, terima kasih.